

14/02/1998

Usaha kait MSC, IT secara global

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia bercadang mewujudkan hubungan di antara Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan pusat mempromosi teknologi maklumat (IT) di seluruh dunia bagi memperkukuhkan perkembangan IT sejagat.

Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata, projek seperti MSC bukan saja ingin dimiliki oleh negara di rantau Asia Tenggara, malah di seluruh dunia.

"Saya percaya banyak negara cuba mempromosi IT di tempat tertentu di negara masing-masing meskipun tiada yang memperuntukkan kawasan seluas MSC. Strategi kita ialah mewujudkan hubungan dengan semua pusat berkenaan kerana kita sedar kita tidak boleh menjadi segalanya untuk semua orang.

"Kita bersedia berkongsi pengalaman dan mengetahui pengalaman mereka juga berguna kepada kita," katanya dalam sesi soal jawab selepas merasmikan Persidangan Meja Bulat Ahli Ekonomi Dalam Bidang Elektronik di Asia di sini, hari ini.

Persidangan itu dianjurkan oleh Economist Group London, pembekal maklumat bagi syarikat yang menubuh dan menjalankan operasi di peringkat antarabangsa. Selain peserta, beberapa anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC yang menyertai Mesyuarat IAP Kedua di Cyberjaya, turut hadir di majlis itu.

Mengenai pertemuan IAP kedua semalam, Perdana Menteri turut mengulangi jaminan peraturan tertentu dalam MSC, tidak akan menyekat kebebasan atau menapis kemasukan maklumat ke dalam projek berkenaan.

Beliau mengakui, penyebaran maklumat yang berbeza di negara berbilang kaum seperti Malaysia boleh menimbulkan ketidakstabilan negara seperti yang berlaku di beberapa negara dunia.

Bagi mengelakkan fenomena itu, katanya, kerajaan menyediakan peraturan tertentu.

"Ini seolah-olahnya seperti bertentangan dengan dasar MSC yang mana kita tidak akan menapis atau menyekat sebarang maklumat ke dalamnya.

"Bagaimana kami akan melakukannya, kita akan lihat terlebih dahulu tetapi kami telah memberi jaminan kepada pelabur bahawa kita tidak akan menyekat internet atau maklumat ke dalam MSC bagi tujuan kerja mereka yang kami bincangkan panjang lebar semalam," katanya.

Pertemuan semalam turut membincangkan keperluan kerjasama bagi menyelesaikan masalah perniagaan merentas sempadan termasuk urusan niaga mata wang.

Mengenai kemampuan Malaysia menghadapi risiko kegagalan MSC, Dr Mahathir berkata, idea MSC dilaksanakan di kawasan tertentu, justeru jika gagal, ia terhad di kawasan berkenaan tanpa membabitkan seluruh negara.

"Tetapi jika ia berjaya, ia akan diperluaskan ke seluruh negara dan dunia," katanya.

Dr Mahathir juga meyakini kemampuan rakyat Malaysia menyokong pelaksanaan MSC.

"Kita telah melihat kemunculan pelbagai usahawan Malaysia yang berjaya. Saya yakin lebih ramai lagi rakyat negara ini akan menyertai bidang ini.

"Ada bukti menunjukkan orang Malaysia memiliki kreativiti yang tinggi dan bersifat inovatif. Kerajaan akan memberi sokongan kepada mereka dan saya rasa mereka akan memainkan peranan utama dalam menyokong industri ini," katanya.

Mengenai kekurangan tenaga kerja pakar di samping masalah pengaliran mereka ke luar negara, Dr Mahathir mengakui tidak mampu menyekat penghijrahan tenaga pakar ke negara yang menawarkan pendapatan lebih

lumayan.

Bagaimanapun, katanya, kebanyakan mereka yang berhijrah untuk meraih kemahiran dan kekayaan, sering memikirkan untuk kembali bagi berbakti kepada negara masing-masing.

Selain itu, katanya, masalah itu boleh ditangani dengan penghijrahan pakar asing ke negara ini.

"Kita tidak boleh mengawal pergerakan manusia sekarang mahupun masa depan. Bagaimanapun, pada masa depan negara di dunia akan merangkumi pelbagai bangsa seperti Malaysia hari ini. Tidak akan wujud etnik tunggal di mana-mana negara sekalipun di Jepun atau Korea," katanya.

(END)